



**PERBAHATHAN**  
**PARLIMEN**  
**DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA**  
**PENGGAL KELIMA**  
**PENYATA RASMI**  
**KANDONGAN-NYA**

**JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup> [Ruangan 3777]**

**USUL<sup>2</sup>:**

**Penanggoohan [Ruangan 3797]**

**Atoran Urusan Meshuarat [Ruangan 3797]**

**Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967**

**Perintah Chukai Kastam (Pindaan), 1969 [Ruangan 3808]**

**Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang), (Pindaan), 1969  
[Ruangan 3811]**

**Perintah Chukai Tokok (Impot) (Pindaan), 1969 [Ruangan 3814]**

**Undang<sup>2</sup> Chukai Eksais, 1961**

**Perintah Chukai Eksais (Pindaan), 1969 [Ruangan 3812]**

**Undang<sup>2</sup> Chukai Eksais, Sabah, No. 18 Tahun 1959**

**Perintah Chukai Eksais (Pindaan), 1969 [Ruangan 3812]**

**Undang<sup>2</sup> Chukai Eksais, Sarawak, (Bab 27)**

**Perintah Chukai Eksais (Pindaan), 1969 [Ruangan 3813]**

**RANG UNDANG<sup>2</sup>:**

**Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan, 1969 (Bachaa Kali Yang Kedua)  
[Ruangan 3797]**

MALAYSIA

**DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA**

**PENGGAL YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi*

---

Hari Sabtu, 18hb Januari, 1969

---

*Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi*

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Keadilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara),
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).

- Yang Berhormat TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BAYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong)
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *atau* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra—Padang Terap).
- Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Setar Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu—Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N.  
(Sungai Petani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH  
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.  
(Rembau—Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P.  
(Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K.  
(Langat).

#### YANG TIDAK HADHIR:

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,  
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.  
(Kuala Kedah).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri  
Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan  
Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK  
BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T.  
SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI  
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI  
ABDUL HAMID KHAN BIN SAKHAWAT ALI KHAN,  
P.M.N., J.P. (Batang Padang).

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan,  
TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K.  
(Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI  
MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI  
ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P.  
(Telok Anson).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG,  
P.D.K., J.P.
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID  
BIN AWANG OSMAN (Kota Setar Utara).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan,  
ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.,  
P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW,  
A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL  
TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.  
(Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.  
(Sarawak).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya  
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU  
ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).

Yang Amat

Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,  
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Setar).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

- Yang Berhormat DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.  
(Kuala Kangsar).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.  
(Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,  
A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,  
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- Yang Amat  
Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.  
(Sabah).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K.,  
P.M.N., P.Y.G.P. DATO' SRI SETIA RAJA (Kota Bharu Hilir).
- Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).
- „ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.  
(Johor Bharu Barat).
- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P.  
(Menglembu).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Meshuarat*)

## JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup>

### TAMBAHAN MASA SIARAN RADIO DALAM BAHASA MURUT OLEH RADIO SABAH

**1. Tuan Mohd. Arif Salleh (Sabah)** bertanya kepada Menteri Penerangan dan Penyiaran sama-ada dia sedar bahawa siaran radio dalam bahasa Murut di-Malaysia Timor ada-lah hanya sa-lama 15 minit, dan jika sedar, ada-kah dia akan menambah masa-nya hingga 30 minit.

**Menteri Penerangan dan Penyiaran (Tuan Senu bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya saya mengaku dan saya sedar bahawa penyiaran dalam bahasa Murut di-Radio

Sabah hanya sa-lama 15 minit dan Kementerian saya akan menimbangkan permintaan tambahan masa siaran ini ia-itu apabila Radio Malaysia Sabah telah menambahkan masa siaran-nya pada keseluruhannya dengan mengadakan satu lagi pancharan ia-itu tambahan yang sedang di-timbangkan oleh Kementerian saya.

**Tuan Mohd. Arif Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah tambahan penyiaran bahasa Murut itu melibatkan di-waktu pagi.

**Tuan Senu bin Abdul Rahman:** Jadi itu juga akan di-timbangkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan John Ondu Majakil (Sabah):** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, since the Kadazan language is one of the major languages in Sabah, would it be possible, in future, for the

Ministry concerned to have the news broadcast in that language direct from the Nation Capital in order to bring the up-to-date news?

**Tuan Senu bin Abdul Rahman:** (*dengan izin*). I think even now the Kadazan language is one of the languages broadcast by Radio Sabah. I just do not understand what is meant by the Honourable Member's question.

**Tuan John Ondu Majakil:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bahasa Kadazan ia-lah satu daripada bahasa yang terbesar sekali di-Sabah, ada-kah kemungkinan Kementerian ini memberi peluang ia-itu bahasa Kadazan boleh di-broadcast dari Kuala Lumpur sini atau ruangan dalam bahasa Kadazan itu di-broadcast dari Kuala Lumpur sini.

**Tuan Senu bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahasa Kadazan sama-adalah akan di-broadcast dari Kuala Lumpur sini atau tidak, perkara itu pada masa ini belum ada dalam pertimbangan Kementerian ini dengan kerana ada-lah menjadi polisi Kementerian Penerangan dan Penyiaran ia-itu sa-lama ini chuma empat bahasa yang di-broadcast daripada sini ia-itu Bahasa Kebangsaan, bahasa Inggeris, bahasa China dan bahasa Tamil. Jadi saya harap itu ada-lah satu perkara polisi dan saya tidak dapat-lah hendak mengatakan pada masa ini perkara itu akan dapat di-jalankan atau tidak. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat di-dalam Rumah yang berbahagia ini, Bahasa Kadazan adalah menjadi salah satu daripada bahasa yang di-gunakan di-Radio Sabah.

**Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Penerangan dan Penyiaran sedar bahawa siaran radio dalam bahasa Tagalog dari Malaysia Timor ka-Sulu dan ka-Phillipines sangat mustahak supaya orang<sup>2</sup> Philipino faham bahawa tuntutan Philipina ka-atas Sabah itu sa-benar-nya tidak dapat dipertahankan dan salah. Jika sedar apakah yang di-buat oleh Kerajaan dalam perkara ini.

**Tuan Senu bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh-lah menegaskan di-sini bahawa Kementerian saya sentiasa berusaha untuk menangkis segala serangan<sup>2</sup> seranta, atau pun urat saraf, atau psychological warfare yang di-jalankan oleh pehak Philipina dan salah satu daripada ranchangan yang akan di-jalankan, yang di-timbangkan oleh Kementerian ini ia-lah apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi saya rasa sa-bagai langkah, atau tektik perjuangan kita tidak patut-lah saya hendak terangkan di-sini sama-adalah bahasa itu akan di-gunakan dalam sedikit masa ini atau sudah di-gunakan, tetapi saya juga suka membawakan perhatian Ahli Yang Berhormat ia-itu beberapa minggu yang lalu ada salah sa-orang daripada Ahli Kongres Philipina telah menyalahkan kita dengan kerana konon-nya dalam masa cooling off period ini pehak Malaysia menjalankan campaign melalui radio terhadap Philipina. Itu ada-lah satu bukti bahawa kita bukan-lah mendiamkan diri dalam perkara itu.

**Tuan Pengiran Tahir Petra (Sabah):** Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada mengadakan siaran<sup>2</sup> radio dalam bahasa Kadazan, Bajau dan Wakil daripada sa-belah sana tadi pula minta di-timbangkan mengenai bahasa Tagalog. Sa-lain daripada itu ada-kah Kementerian yang berkenaan ini hendak menimbangkan di-adakan lagi siaran<sup>2</sup> radio di-Sabah di-dalam bahasa Rungus dan bahasa Bisayah. Ini ada-kah akan dapat di-timbangkan kerana suku<sup>2</sup> bangsa itu pun ada mempunyai bilangan yang ramai di-Sabah sa-bagaimana juga lain<sup>2</sup> bahasa.

**Tuan Senu bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai masa-alah menambahkan lagi penyiaran dalam bahasa<sup>2</sup> atau pun loghat<sup>2</sup> yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya telah sebutkan beberapa kali dahulu ini ada-lah bergantung kepada kemampuan kita, kerana pada masa ini Kementerian saya sedang mengembangkan atau pun memperbesarkan lagi siaran<sup>2</sup> baik di-Sarawak atau pun di-Sabah ia-itu dengan mengadakan

lebih banyak lagi station<sup>2</sup>, atau pun station<sup>2</sup> pemancar umpama-nya di-Tawau, Sandakan dan Kudat dan di-beberapa tempat lagi. Jadi manakala siap station<sup>2</sup> kecil ini, maka station<sup>2</sup> kecil ini akan boleh di-gunakan untuk menyiarkan bahasa<sup>2</sup> atau pun loghat<sup>2</sup> tempatan.

### MENYATUKAN DEWAN<sup>2</sup> PER-NIAGAAN

**2. Tuan Mohd. Arif Salleh** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sama-ada dia sedar bahawa dewan<sup>2</sup> perniagaan pada masa ini berchorak perkauman, dan sekira-nya sedar, ada-kah dia berchadang hendak menyatukan dewan<sup>2</sup> perniagaan ini.

**Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun):** Tuan Yang di-Pertua, benar Dewan<sup>2</sup> Perniagaan berchorak perkauman, akan tetapi Dewan<sup>2</sup> tersebut telah berchantum dan mendirikan Dewan Perniagaan Bersatu yang menjaga kepentingan ahli<sup>2</sup> tanpa perkauman.

### BORANG SAHAM PALSU TEXTILE CORPORATION MALAYA

**3. Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam)** (*di-bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berhubung dengan berita akhbar Straits Times yang tersiar pada 6hb Disember, 1968 mengenai borang saham palsu yang telah di-edarkan atas nama Textile Corporation Malaya Berhad:

- (a) apa-kah tindakan yang telah diambil oleh-nya dalam hal ini; dan
- (b) ada-kah dia akan melantek sa-buah badan bagi menyiasat hal ehwal semua firma perusahaan di-Malaysia.

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada bahagian (a), pehak polis sedang menjalankan penyiasatan dalam perkara ini dan kepada (b) tidak.

### BILANGAN ORANG YANG DI-BUANG DAERAH, TAHUN 1969—USAHA MENCHARIKAN KERJA BAGI MEREKA DAN AHLI<sup>2</sup> KE-LUARGA-NYA

**4. Tuan Haji Aziz bin Ishak** (*di-bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) berapa-kah bilangan orang yang telah di-buang daerah dalam tahun 1968 dalam tiap<sup>2</sup> negeri di-Malaysia;
- (b) ada-kah pehak yang berkuasa yang berkenaan berusaha mencharikan mereka dan ahli<sup>2</sup> keluarga mereka kerja; dan
- (c) ada-kah benar bahawa sa-tengah<sup>2</sup> daripada mereka dan anak isteri mereka terlantar.

**Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang<sup>2</sup> yang di-jatuhkan hukuman buang daerah dengan perintah pengawasan polis dalam tahun 1968 ia-lah seperti berikut:

| Nama Negeri    | <i>Di-bawah Undang<sup>2</sup> Menchegah Jenayah 13 Tahun 1959</i> |          | <i>Di-bawah Undang<sup>2</sup> Penghad Kediaman Bab 39</i> |    |
|----------------|--------------------------------------------------------------------|----------|------------------------------------------------------------|----|
|                |                                                                    |          |                                                            |    |
| Kedah/Perlis   | ...                                                                | 22 orang | 6 orang                                                    |    |
| Pulau Pinang   | ...                                                                | 93       | 22                                                         | .. |
| Perak          | ...                                                                | 23       | 53                                                         | .. |
| Selangor       | ...                                                                | 141      | 1                                                          | .. |
| Negri Sembilan | ...                                                                | 7        | 1                                                          | .. |
| Melaka         | ...                                                                | 26       | 4                                                          | .. |
| Johore         | ...                                                                | 14       | 5                                                          | .. |
| Kelantan       | ...                                                                | 29       | 18                                                         | .. |
| Trengganu      | ...                                                                | Tiada    | Tiada                                                      | .. |
| Pahang         | ...                                                                | 3        | Tiada                                                      | .. |

Kuasa Undang<sup>2</sup> Menchegah Jenayah, 1959 dan Undang<sup>2</sup> Menghadkan Tempat Kediaman tidak meliputi Malaysia Timor.

(b) Hukuman pembuangan daerah dan menghadkan kediaman sa-saorang itu di-kawasan yang tertentu ia-lah bertujuan menyingkirkan beliau dari pusat kechergasan jenayah-nya untuk pemulehan akhlak. Pertolongan pehak yang berkuasa kepada orang<sup>2</sup> yang menjalani hukuman itu di-beri hanya manakala betul<sup>2</sup> di-fikirkan perlu dan di-mana yang boleh dapat di-datangkan pertolongan. Apakala mereka



menempoh kesukaran untuk dapat kerja di-tempat yang di-hadkan kepadanya itu mithal-nya, timbangan di-buat bagi memindahkan mereka ka-tempat yang lain di-mana boleh didapati pekerjaan. Pertimbangan diperbuat dengan beralaskan pemindahan sa-saorang itu tidak akan mengancam ketenteraman awam di-tempat yang hendak di-pindahkan itu.

Di-tiap<sup>2</sup> negeri telah ujud satu Jawatan-kuasa perhubungan kongsi gelap. Ahli<sup>2</sup> Jawatan-kuasa ini termasuk Pegawai<sup>2</sup> Kebajikan Masha-rakat yang berkewajipan memandag akan hal kebajikan orang<sup>2</sup> yang menjalani hukuman buang daerah dan Perintah Pengawasan Polis serta diberi bantuan di-mana yang di-fikirkan patut.

(c) Beberapa faktor termasuk umur, sudah kahwin-kah atau pun belum dan berapa pula anak-nya serta apa pekerjaan di-kaji sa-belum sa-saorang itu di-jatuhkan hukuman buang daerah dengan Perintah Pengawasan Polis. Selama ini belum lagi berbangkit sa-suatu kesah yang menunjukkan mana<sup>2</sup> keluarga yang berkenaan telah mengalami penderitaan sa-hingga tertahan sara hidup. Ada kala-nya dengan alasan peri-kemanusiaan orang<sup>2</sup> yang menjalani hukuman itu di-benarkan tinggal bersama<sup>2</sup> keluarga mereka di-kampung asal-nya dengan pengawasan Polis sa-telah di-beri bantuan di-mana yang di-fikirkan patut.

**Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, terbit daripada jawapan Menteri Dalam Negeri tadi, sa-saorang yang di-tahan di-bawah Penchegahan Jenayah itu atau pun di-bawah R.R. itu apa-kah yang menjadi syarat sa-saorang yang kena tahan itu, apa-kah dia pernah melakukan kesalahan jenayah sa-belum daripada itu, atau pun kalau dia tidak melakukan apa<sup>2</sup> kesalahan jenayah sa-belum daripada itu dia juga boleh di-buang daerah dengan alasan ijhtihad dari pihak polis semata<sup>2</sup> atau pun dikehendaki daripada pandangan orang ramai sa-suatu kampung itu.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sa-belum perintah di-buat untuk menghadkan kedudukan tempat sa-saorang itu, maka pihak Polis akan memberi bukti laporan<sup>2</sup> yang penoh terhadap perbuatan, perjalanan sa-saorang itu dan jika daripada bukti itu didapati ada-lah orang ini giat di-dalam perkara<sup>2</sup> berkaitan dengan kongsi gelap dan jika sa-kira-nya di-fikirkan dengan di-usirkan orang ini, dia boleh berpechah dengan ahli<sup>2</sup> kongsi<sup>2</sup> gelap yang lain yang akan mengancam ketenteraman tempat itu, maka perintah di-buang daerah akan di-kenakan kepada mereka. Jadi di-sini saya suka menjelaskan sama-ada sa-saorang itu telah biasa di-hukum dan didapati salah pada masa<sup>2</sup> dahulu berkaitan dengan sa-suatu perkara jenayah tidak-lah semata<sup>2</sup> menjadi satu alasan bagi sa-saorang itu di-buang daerah, tetapi sa-balek-nya pula kalau ada bukti menunjukkan sa-lain daripada orang ini bergiat di-dalam pergerakan, perjalanan satu<sup>2</sup> kongsi gelap, atau pun pihak<sup>2</sup> samsing satu<sup>2</sup> daerah, perkara yang mereka dahulu telah biasa melakukan beberapa kali perbuatan jenayah ada-lah satu juga daripada alasan yang akan mendapat pandangan dan timbangan pihak Kementerian, oleh kerana daripada itu boleh dengan jelas-nya didapati bahawa orang ini semenjak telah di-hukum telah didapati salah dahulu-nya tidak mengubah chorak perjalanan-nya.

**Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara):** Tuan Yang di-Pertua, tidak-kah Kerajaan berchadang hendak menyemak semula amalan buang daerah ini sebab daripada perhatian saya dan lain<sup>2</sup> orang juga, memindahkan orang<sup>2</sup> yang sudah melakukan jenayah ka-satu tempat yang lain itu sa-olah<sup>2</sup> memindahkan kuman jenayah, ada kala-nya ka-tempat yang maseh bersehh lagi, atau pun kurang jenayah di-tempat itu, jadi pertanyaan saya ada-kah Kerajaan berchadang hendak menyemak amalan buang daerah ini atau tidak?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang Kerajaan ada menyemak atas masaalah pembuangan daerah ini oleh kerana itu-lah sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat ma'alum telah di-chadangkan di-adakan satu pulau di-mana orang<sup>2</sup> samsing yang sunggoh<sup>2</sup> samsing akan di-tempatkan, akan di-beri peluang bekerja di-tempat<sup>2</sup> atau di-pulau yang di-tempatkan di-situ untuk supaya mereka itu boleh berubah menjadi baik. Saya suka juga menjelaskan di-sini ada sa-bagaimana yang Ahli Yang Berhormat berkata tadi, ada kala-nya orang<sup>2</sup> yang di-pindahkan ka-satu daerah itu mempengaruhi orang<sup>2</sup> tempat di-mana dia di-pindahkan itu, memang ada berlaku, tetapi tidak banyak, tetapi kalau berlaku perkara sa-macam itu, tindakan segera di-ambil oleh pihak Kerajaan memindahkan pula dia ka-tempat yang lain. Saya tahu perkara ini bukan sahaja menyusahkan pihak yang di-pindah<sup>2</sup>kan tetapi menyusahkan juga pihak Kerajaan. Tetapi ini-lah satu jalan sa-bagaimana saya katakan tadi kita boleh mengurangkan bahaya yang kita hadapi daripada perbuatan ahli<sup>2</sup> kongsi gelap. Jadi saya berharap kalau sa-kira-nya siap pulau kita ini tidak lama lagi, masaalah ini insha' Allah akan kita hapuskan.

**Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Tuan Yang di-Pertua, pulau yang hendak siap ini boleh-kah kita tahu berapa deras dan segera pulau ini akan dapat di-jalankan dan di-pindahkan semua orang<sup>2</sup> yang membuat perbuatan jenayah ka-sana sebab saya ingat lama benar sudah dengar pulau tempat jenayah ini, tetapi sampai hari ini tidak timbul<sup>2</sup>, maseh tenggelam dalam laut pulau itu?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Dato' Yang di-Pertua, saya suka memberi penjelasan atas kelewatan di-segerakan pelaksanaan persiapan pulau ini. Yang sa-benar-nya kita telah di-tawarkan satu pulau berdekatan dengan Pulau Pangkor di-Perak dahulu dan penyiasatan survey telah di-adakan untuk menyiasat sama-ada tempat pulau itu ada ayer kerana ma'alum-lah

bila kita menghantar orang di-merata<sup>2</sup>, sa-puluh ribu orang satu pulau itu, kita mesti siapkan bekalan ayer, tetapi kalau kebuloran orang<sup>2</sup> di-pulau itu, dengan kekurangan ayer, soal tegoran akan di-buat kepada pihak kita, tetapi sa-lepas di-adakan survey di-pulau ini di-dapati tidak ada ayer di-situ dan kalau ada ayer sekali pun, ayer yang ada di-situ tidak menchukupi bagi ramai orang di-tempatkan di-situ. Jadi sa-lepas itu pihak kita menchari pulau<sup>2</sup> yang lain dan di-sini saya sukachita mema'alumkan bahawa Kerajaan Trengganu telah menawarkan pula, dua rasa saya pulau yang kita telah mengambil keputusan menerima tawaran Kerajaan Trengganu ini dan bersetuju menerima satu pulau, rasa saya sem-bilan batu atau pun sa-puluh batu daripada Dungun dan sekarang satu survey pula di-jalankan supaya di-siasati sama-ada di-pulau itu ada ayer dan mengikut laporan yang baharu saya terima, keputusan survey ini menunjukkan ada ayer di-situ dan tidak lama lagi ranchangan ini akan mula di-bena.

**Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah (Pasir Mas Hilir):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pulau yang di-chadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda itu boleh-kah tidak saya hendak bertanya, orang<sup>2</sup> yang di-bawah penchegeh jenayah dan menghadkan tempat kediaman ini, yang di-buang di-sana membawa isteri masing<sup>2</sup>. (*Ketawa*).

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Satu perkara yang dalam ranchangan Kementerian ia-lah bukan sahaja mengadakan pulau yang berjauhan dan tidak sa-bagaimana kata Ahli Yang Berhormat, boleh mempengaruhi orang<sup>2</sup> yang lain jikalau di-buang di-suatu tempat itu, akan tetapi juga satu pulau di-mana di-harap boleh di-adakan satu chara ranchangan di-mana orang<sup>2</sup> yang di-tempatkan di-situ di-beri peluang menjalankan pekerjaan<sup>2</sup>, ranchangan<sup>2</sup> yang bukan sahaja akan berfaedah kepada orang, kalau mereka . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan-nya, boleh-kah bawa isteri di-situ?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Boleh di-bawa sa-kira-nya berhasil tujuan mengadakan ranchang-an ini.

**Tuan Mustapha bin Ahmad:** Saya bersetuju-lah pehak Kerajaan untuk membuang daerah, orang<sup>2</sup> yang melakukan kesalahan jenayah atau lain<sup>2</sup>-nya kerana kesalahan-nya kecil, hendak di-jailkan lama tidak boleh, tetapi sa-kira-nya dalam pandangan orang ramai, orang<sup>2</sup> yang terkemuka di-kampung<sup>2</sup>, sa-saorang itu sa-benar-nya tidak membuat kesalahan, boleh-kah pehak Kementerian ini menerima sa-kira-nya di-buat satu pengakuan daripada orang yang terkemuka daripada sa-suatu kampung atau daerah mengatakan sa-saorang ini tidak salah maka di-tahan juga, maka sedia-kah Menteri melepaskan orang yang sa-demikian?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain. Hendak menentukan orang itu salah-kah tidak, itu soalan lain. Jika sudah tetap, ini soalan-nya.

**Tuan Mustapha bin Ahmad:** Tetapi soalan-nya sekarang ini, soalan dikatakan salah atau tidak di-atas pehak polis sahaja, tetapi tidak-lah apa yang di-katakan di-pehak polis itu benar, jika sa-kira-nya orang kampung mengatakan bahawa orang itu tidak salah, maka hanya kebetulan sahaja, di-ambil sa-suatu hal, boleh-kah tidak pehak Kementerian ini menerima pandangan daripada orang terkemuka di-kampung yang mengatakan orang itu tidak salah dan di-lepaskan?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sama-ada kita terima rayuan<sup>2</sup>, pandangan<sup>2</sup> orang ramai, itu terpulang-lah kepada siapa dia orang ramai itu. Jika sa-kira-nya sa-orang Ahli Parti PAS di-tangkap, kalau rayuan itu datang daripada orang Parti PAS, kita mesti-lah churiga atas rayuan<sup>2</sup> yang di-buat itu. Jika sa-kira-nya rayuan<sup>2</sup> itu daripada orang yang terkemuka, yang tidak ada berkaitan langsung dengan orang itu, itu kita akan ambil timbangan juga dan akan berhubung dengan polis sama-ada laporan yang di-beri itu ada menasabah, atau boleh di-pakai.

**Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri Muda tadi, di-Kelantan orang yang di-bawah penchegeh jenayah ada 25 orang dan menghadkan tempat kediaman ada 18 orang. Timbul-nya soalan yang pertama, ada-kah mereka yang sa-ramai 43 orang ini, berapa orang yang terlibat dalam kongsi gelap?

Yang kedua, ada-kah mereka<sup>2</sup> tadi di-beri kemudahan untuk balek mengundi pada masa mengundi Pilihan Raya Umum akan datang?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tentang pertanyaan yang pertama itu, Tuan Yang di-Pertua, duka-chita-lah ini berkehendakkan saya menyemak sa-mula akan fact<sup>2</sup>-nya supaya boleh menjawab sama-ada orang ini di-tangkap, bilangan orang<sup>2</sup> yang ditangkap ini ada-lah berkaitan dengan perkara kongsi gelap atau lain<sup>2</sup>-nya.

Tentang soalan yang kedua itu, saya perchaya persiapan ada-lah di-buat supaya membolehkan orang<sup>2</sup> yang dihadkan tempat kediaman ini mengambil bahagian dalam Pilihan Raya Umum dan mengundi.

**Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah sa-saorang itu di-hukum, di-buang daerah, atau di-tangkap di-sebabkan sa-suatu kesalahan-nya kerana ia sa-orang tok guru atau kerana ia sa-orang yang menyokong parti siasah, sa-kira-nya tidak, boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan apa-kah kesalahan yang telah didapati, yang di-lakukan oleh mereka<sup>2</sup> yang di-buang daerah.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sama-ada sa-saorang itu tok guru, tok imam, atau pun ahli<sup>2</sup> satu parti, Parti PAS, atau UMNO, tidak-lah menjadi alasan bagi sa-saorang itu di-tangkap. Sa-saorang itu di-tangkap, sa-bagaimana yang saya jelaskan tadi, jika sa-kira-nya ada bukti menunjukkan dia ada-lah sa-orang daripada ahli samsing yang telah menjalankan perbuatan<sup>2</sup> yang mengamcham ketenteraman, keamanan bagi satu<sup>2</sup> tempat.

**PENJUALAN MINYAK PETROL  
ATAU DIESEL BERCHAMPORAN  
OLEH WAKIL<sup>2</sup> SHARIKAT  
MINYAK**

**5. Tuan Haji Aziz bin Ishak** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah beliau sedar akan khabar<sup>2</sup> angin dan perasaan tidak puas hati di-kalangan orang<sup>2</sup> ramai terhadap penjualan minyak petrol atau diesel champoran baharu<sup>2</sup> ini oleh wakil<sup>2</sup> sharikat minyak, dan jika sedar, apa-kah penyiasatan<sup>2</sup> yang telah di-jalankan berkaitan dengan perkara ini dan pernah-kah di-jalankan apa<sup>2</sup> penyiasatan untuk menentukan sama-ada benar atau tidak bahawa minyak petrol yang di-beli oleh pelombong<sup>2</sup> dengan harga yang berkurangan telah di-seludup masuk ka-bandar<sup>2</sup> dan di-jual atas dasar persaingan dengan harga yang lebih rendah daripada yang di-jual di-pusat<sup>2</sup> jualan minyak.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan tuduhan yang di-buat dalam Majlis Mesuarat Undangan Kerajaan Negeri Perak dalam bulan lepas dan sa-lepas itu di-bangkitkan pula oleh sa-orang Ahli Majlis di-dalam Meshuarat Majlis Bandaran Alor Setar, Kementerian saya telah menjalankan siasatan<sup>2</sup> dan di-samping itu pula merayu kepada orang ramai supaya menyampaikan butir<sup>2</sup> pengaduan mereka kepada Kementerian. Sa-hingga ini Kementerian saya tidak menerima sa-barang aduan yang tetap dan tegas. Sharikat<sup>2</sup> minyak petroleum yang memberi pajakan steshen<sup>2</sup> minyak petrol sentiasa mengadakan pemeriksaan dengan mengambil sampel minyak petrol di-dalam tangki bagi menentukan bahan<sup>2</sup> minyak mereka tidak di-champorkan. Perkara ini juga sedang di-siasat oleh Badan Penche-gah Rasuah.

**PENYELUDUPAN CHANDU  
ANTARABANGSA**

**6. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara)** bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah Kerajaan sedar bahawa saudagar<sup>2</sup> China di-Malaysia telah

turut terlibat dalam komplot Penyeludupan chandu Antarabangsa yang bernilai \$2,100,000/-, mengikut siasatan<sup>2</sup> yang telah di-buat oleh Polis Antarabangsa; jika ya, terangkan bilangan yang telah di-tangkap, hukuman<sup>2</sup> yang di-kenakan dan nama saudagar<sup>2</sup> tersebut.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sedar tentang ada-nya sa-barang penyiasatan oleh Pertubohan Polis Jenayah Antarabangsa atau Interpol terhadap chandu yang di-seludupkan dengan jumlah sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Penangkapan atas drug<sup>2</sup> yang merbahaya ada-lah di-laporkan kepada Interpol sa-bagai suatu perkara yang sudah tetap. Dalam hal chandu laporan tersebut di-buat jika jumlah yang terlibat ada-lah lebih daripada 50 paun. Dalam masa dua tahun yang lepas 29 laporan tersebut telah di-buat yang melibatkan chandu berharga lebih kurang \$583,000. 49 orang telah di-tuduh berhubungan dengan perkara ini. Tidak-lah menjadi kepentingan umum untuk di-berikan nama<sup>2</sup> orang persa-orangan tersebut di-dalam Dewan ini, demikian juga jenis bangsa-nya oleh kerana jenayah tidak terbatas kepada sa-suatu kaum.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri ini dapat bukti atau kenyataan melalui badan persek kita bahawa saudagar<sup>2</sup> Malaysia ini ada kaitan atau hubungan dengan penyeludupan besar yang membawa barang<sup>2</sup> masuk ka-dalam negeri ini yang telah di-tangkap baharu<sup>2</sup> ini.

**Tun Tan Siew Sin:** (*dengan izin*). Mr Speaker, Sir, that, I think, is a slightly different matter and the Government has no knowledge of the offences alleged by the Honourable Member to have been committed.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar atau mahu mengusahakan bahawa komplot penyeludupan yang di-lakukan oleh saudagar<sup>2</sup> atau badan

perniagaan dalam negeri ini sa-kiranya di-dapati sah, ada-kah satu tindakan yang sa-wajar-nya patut di-ambil.

**Tun Tan Siew Sin:** Mr Speaker, Sir, if the Honourable Member has any knowledge of any of these malpractices being carried out, I would be grateful if he could report such instances to the appropriate authorities.

**PERKHIDMATAN TALIKOM  
YANG MENGHUBONG KOTA  
BHARU DAN SELATAN SIAM—  
DAN PROJEK HUBONGAN  
TALIKOM UDARA**

**7. Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom:

- (a) apa-kah langkah<sup>2</sup> awal yang telah di-jalankan mengenai perkhidmatan talikom yang menghubungkan Kota Bharu dan Selatan Siam sa-bagaimana yang di-ranchangkan itu, berapa anggaran belanja yang di-untokkan bagi projek itu, puncha<sup>2</sup> terdapat wang<sup>2</sup> tersebut dan sama-ada wang<sup>2</sup> tersebut mesti di-bayar balek; dan
- (b) berapa jumlah wang yang di-untokkan bagi mengadakan Projek Hubongan Talikom Udara, puncha terdapat wang<sup>2</sup> tersebut dan negara<sup>2</sup> yang akan mendapat faedah daripada projek<sup>2</sup> saperti itu.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sudah ada dua liter talipon, talipon circuit yang menghubongi Kota Bharu melalui Rantau Panjang dengan Sungai Golok ka-Selatan Negeri Thai. Harga bagi mengadakan liter<sup>2</sup> itu telah di-biaya<sup>2</sup> daripada peruntukan pembangunan Persekutuan bagi alat<sup>2</sup> jentera dalam kawasan Malaysia dan oleh Talipon Organisation of Thailand bagi alat<sup>2</sup> dan jentera dalam kawasan Negeri Thai. Oleh itu perkara membayar balek tidak-lah timbul. Kajian ranchangan tentang kemungkinan mengadakan penyambong gelombang micro, microwave link di-antara Hadnyai di-Selatan Negeri Thai dengan Kota Bharu

sedang di-ranchangkan. Sa-bahagian besar daripada route gelombang micro itu akan berada di-kawasan Negeri Thai melainkan terminal yang akan berada di-Kota Bharu. Sa-kiranya kajian tersebut membuktikan bahawa projek itu boleh di-laksanakan, maka wang hendak-lah di-adakan di-dalam peruntukan pembangunan Persekutuan bagi membiaya<sup>2</sup> bahagian projek itu yang berada di-kawasan Malaysia.

Ada-lah tidak jelas projek hubungan Talikom Udara yang mana-kah yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu bermaksud kepada steshen satelait bumi yang di-chadangkan ini harga-nya belum-lah di-tentukan lagi, oleh kerana tanda<sup>2</sup> projek<sup>2</sup> itu maseh di-dalam pertimbangan lagi. Faedah<sup>2</sup>-nya ada-lah hasil akan bertambah dengan lebeh-nya panggilan<sup>2</sup> dari luar negeri yang akan dapat melalui steshen satelait bumi, dua perhubungan sa-chara langsung di-antara Malaysia dan luar negeri akan bertambah dan menjadi lebeh chepat liter<sup>2</sup> tambahan boleh di-adakan dengan negeri<sup>2</sup> di-mana kita ada perhubungan pada masa sekarang dan liter<sup>2</sup> sa-chara langsung boleh di-adakan dengan negeri<sup>2</sup> di-mana kita ada perhubungan terus. Mutu pemancaran dan pendengaran, panggilan dari luar negeri akan bertambah baik dan kemungkinan mengadakan penukaran ranchangan<sup>2</sup> talivishen dengan negeri<sup>2</sup> lain.

**JALAN BESAR TIMOR—BARAT  
LANGKAH<sup>2</sup> YANG DI-JALANKAN**

**8. Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Pengangkutan apa-kah langkah<sup>2</sup> awal yang telah di-jalankan mengenai Jalan Besar Timor—Barat sa-bagaimana yang di-ranchangkan.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon):** Tuan Yang di-Pertua, bidang kewajipan atau term of reference bagi projek tersebut telah di-kemukakan ka-Bank Dunia untuk di-pertimbangkan. Ada-lah di-harap kajian permulaan akan dapat di-jalankan pada awal tahun 1969 sa-kira-nya kita dapat jawapan dengan segera.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah Yang Berhormat Menteri itu memberi tahu Dewan lebeh awal sa-telah siap jalan besar ini perkhidmatan kenderaan dan pengangkutan kelak akan di-beri keutamaan kepada sharikat<sup>2</sup> bumiputera, atau pun sa-paroh bumiputera.

**Tan Sri Haji Sardon:** Tuan Yang di-Pertua, ada pun dasar Kerajaan sementara ini kalau tidak di-pinda lagi mana<sup>2</sup> jalan yang baharu permohonan daripada bumiputera, atau pun modal yang banyak daripada bumiputera akan di-beri keutamaan.

### **CHADANGAN MENDIRIKAN KILANG GETAH "HEVEA-CRUMB" DI-PAKISTAN**

**9. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah** (*di-bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sa-jauh mana-kah kemajuan sudah tercapai dalam kerjasama Malaysia dengan Pakistan untuk mendirikan kilang getah "hevea-crumb" di-Pakistan yang di-rundingkan oleh Setia Usaha Luar Pakistan Tuan S. M. Yusof ketika lawatan beliau ka-negeri ini dalam bulan Oktober tahun 1968.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, Setia Usaha Luar Pakistan, Mr S. M. Yusoff, dalam bidang lawatan ka-Malaysia di-dalam bulan Oktober, 1968 telah mengadakan satu perbincangan dengan pegawai<sup>2</sup> Kementerian saya. Satu daripada perkara<sup>2</sup> yang telah di-bincangkan ia-lah mengenai kemungkinan mendirikan kilang getah di-Pakistan. Semenjak itu Kementerian saya tidak mengetahui sama-ada Pakistan maseh chenderong mendirikan kilang<sup>2</sup> tersebut.

### **PERUNDINGAN DI-ANTARA ROMBONGAN MAJLIS EKSPOT KEBANGSAAN BRITISH DENGAN MALAYSIA, BULAN OKTOBER, 1969**

**10. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah** (*di-bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah benar bahawa

satu rombongan Majlis Ekspot Kebangsaan British yang di-ketua<sup>2</sup> oleh Tuan Michael Montague telah melawat dan membuat rundingan dengan pehak Malaysia dalam minggu pertama bulan Oktober tahun 1968, dan jika benar, apa-kah perkara yang di-rundingkan itu dan apa-kah pula hasil-nya.

